

YSB salur dana dalam bidang kesihatan

Oleh ZAID MOHD. NOOR

ALOR SETAR – Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) berhasrat menyalurkan dana dalam bidang kesihatan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat pada tahun ini.

Pengerusi YSB, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkata, sebanyak dua buah pusat dialisis telah dibuka oleh YSB di negeri ini iaitu Pusat Hemodialisis Tunku Sarina di Sungai Korok di sini dan Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF)-YSB di Kulim.

Menurutnya, YSB juga menyediakan sebuah bas Unit Menderma Darah Bergerak, Hospital Sultanah Bahiyah dan sebuah lagi bas 'Mobile Health Screening' dengan kerjasama NKF.

"Hal ini (menyalurkan dana dalam bidang kesihatan) adalah kerana keseda-

ran kepada pentingnya kesihatan dan membantu masyarakat meningkatkan kualiti hidup kepada yang lebih baik," katanya melalui perutusan dalam buku program Karnival Amal Hari Penyayang 2016 di pekarangan Stadium Darul Aman di sini selama dua hari bermula semalam.

Tunku Intan Safinaz juga melawat ke gerai-gerai pameran selepas merasmikan karnival itu semalam. Turut hadir Pengelola Bijaya Diraja dan Ketua Setiausaha Sulit Sultan Kedah, Datuk Bijaya Indera Datuk Paduka Syed Unan Mashri Syed Abdullah.

Antara acara menarik yang diadakan pada sepanjang karnival itu ialah larian bendang Kedah, karnival 'Food Truck', kayuhan penyayang, kempen derma, pemeriksaan mata, lelongan amal, pameran kerjaya, kafe penyayang, persembahan artis, pertandingan memancing dan peraduan mewarna.



TUNKU Puteri Intan Safinaz (dua dari kiri) sedang melawat tapak pameran jualan amal pada Karnival Amal Hari Penyayang di pekarangan Stadium Darul Aman semalam.